

Pemilik Polisi Yang Dihargai,

Tarikh: 27 Januari, 2014

NOTIS 'OPT OUT'

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. PDPA telah berkuat kuasa pada 15 November 2013.

PDPA memerlukan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad (TMIM) untuk memaklumkan anda tentang hak-hak anda berhubung dengan:

1. data peribadi anda yang telah atau sedang diproses, atau yang akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh kami;
2. maksud bagi pengumpulan dan pemprosesan data peribadi anda; dan
3. penzahiran data peribadi anda kepada pihak ketiga.

Sehubungan dengan itu, PDPA memerlukan TMIM untuk mendapatkan persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda dan memberi anda notis memaklumkan maksud bagi pemprosesan dan bahawa data peribadi anda mungkin akan dizahirkan kepada pihak ketiga tertentu.

Justeru itu, kami ingin memaklumkan bahawa data peribadi dan maklumat selainnya (secara kolektif, "Data Peribadi") yang sebelum ini disediakan di dalam borang cadangan anda untuk insurans dan/atau tuntutan untuk kerugian di bawah polisi anda sedang diproses dan besar kemungkinan akan terus digunakan dan diproses oleh TMIM bagi maksud-maksud berikut :

1. untuk berkomunikasi dengan anda;
2. untuk memberi perkhidmatan kepada anda, tetapi tidak terhad kepada, penyediaan perlindungan insurans yang diperlukan, pengeluaran polisi dan/atau perkhidmatan tuntutan;
3. untuk melaksanakan penyelidikan dan kajian data perangkaan/aktuari; dan
4. untuk menzahirkan kepada pihak ketiga yang berkaitan untuk membolehkan maksud-maksud di atas dijalankan;

(secara kolektif, "Maksud").

Sehubungan dengan ini, juga dimaklumkan bahawa sekiranya diperlukan bagi mana-mana Maksud yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda mungkin dipindahkan atau dihantarkan atau dizahirkan kepada mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Kumpulan Tokio Marine atau mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan berkaitan dengan insurans atau insurans semula atau perantara-perantara atau pembekal perkhidmatan tuntutan atau penyiasatan/penyelarasaran atau undang-undang atau pembekal perkhidmatan yang lain, yang mungkin berlokasi di luar Malaysia, dan kepada mana-mana persatuan, persekutuan atau organisasi yang serupa syarikat-syarikat insurans yang wujud atau ditubuhkan dari masa ke masa untuk Maksud tersebut atau untuk memenuhi fungsi undang-undang atau peraturan atau yang semunasabahnya diperlukan untuk kepentingan industri insurans. Selain daripada yang dinyatakan di sini, Data Peribadi anda tidak akan dengan sengaja dipindah dan dihantar ke mana-mana lokasi di luar Malaysia atau dizahirkan kepada mana-mana pihak ketiga.

Sila ambil perhatian bahawa adalah menjadi suatu keperluan bagi TMIM memproses Data Peribadi anda dan tanpa pemprosesan tersebut, kami tidak dapat meneruskan penggunaan Data Peribadi anda bagi mana-mana Maksud yang dinyatakan di atas.

Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini mengemukakan pertanyaan bertulis dan, dengan pembayaran fi yang ditetapkan, meminta secara bertulis untuk akses kepada, atau untuk pembetulan, atau untuk menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda dengan mengemukakan permintaan itu kepada Ketua Pengurusan Perhubungan Pelanggan TMIM melalui pos berdaftar atau e-mel (yang mesti dihantar ke alamat yang berikut):

Alamat Pos: Ketua Pengurusan Perhubungan Pelanggan
 Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
 Tingkat 29, Menara Dion,
 27, Jalan Sultan Ismail,
 50250 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-2026 9808 atau 03-2783 8383
Alamat Emel: enquiry@tokiomarine.com.my

Kami percaya bahawa anda akan bersetuju dengan syarat dan terma di atas berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh pihak kami. Sila rujuk juga kepada [Pernyataan Dasar Privasi](#) TMIM. **Sekiranya kami tidak menerima sebarang maklum balas dari anda berhubung dengan perkara di atas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis ini, kami akan menganggap bahawa anda telah bersetuju dengan terma-terma yang terkandung di sini.**

Jika terdapat apa-apa tak konsisten, konflik, ketaksaan atau perselisihan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Notis 'Opt Out' ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Yang benar,
Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad



Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad (149520-U)

29th Floor, Menara Dion, 27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel. (03) 2026 9808, 2783 8383 Fax. (03) 2026 9708 www.tokiomarine.com.my